



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

**KHAMIS, 28 MAC 2024**

**LAPORAN HARIAN**





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KPWKM KERJASAMA DENGAN PDRM KENAL PASTI CALON PENGASUH</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/kpwkm-kerjasama-dengan-pdrm-kenal-pasti-calon-pengasuh/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/kpwkm-kerjasama-dengan-pdrm-kenal-pasti-calon-pengasuh/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1228558/kpwkm-kerjasama-dengan-polis-tapis-calon-pengasuh-taska">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1228558/kpwkm-kerjasama-dengan-polis-tapis-calon-pengasuh-taska</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=a0BTVYSGeRl">https://www.youtube.com/watch?v=a0BTVYSGeRl</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/27/parlimen-kpwkm-bekerjasama-dengan-pdrm-saring-pengasuh-taska-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/27/parlimen-kpwkm-bekerjasama-dengan-pdrm-saring-pengasuh-taska-nancy/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/656841/video/berita-semasa-video/kpwkm-kerjasama-dengan-polis-tapis-calon-pengasuh-taska">https://www.sinarharian.com.my/article/656841/video/berita-semasa-video/kpwkm-kerjasama-dengan-polis-tapis-calon-pengasuh-taska</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=YMjAifbA590">https://www.youtube.com/watch?v=YMjAifbA590</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=oAcEvsCQyWk">https://www.youtube.com/watch?v=oAcEvsCQyWk</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/27/childcare-centre-workers-to-undergo-police-screening-before-employment-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/27/childcare-centre-workers-to-undergo-police-screening-before-employment-says-nancy</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/sisitv-parlimen-x7sioi/kpwkm-kerjasama-dengan-polis-pastikan-pegasuh-tiada-rekod-jenayah-x8vuify">https://www.astroawani.com/videos/sisitv-parlimen-x7sioi/kpwkm-kerjasama-dengan-polis-pastikan-pegasuh-tiada-rekod-jenayah-x8vuify</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/03/1074434/jalani-tapisan-sebelum-layak-jadi-pengasuh">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/03/1074434/jalani-tapisan-sebelum-layak-jadi-pengasuh</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/27/dewan-rakyat-calon-pengasuh-perlu-ditapis-rekod-jenayah-nancy/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/27/dewan-rakyat-calon-pengasuh-perlu-ditapis-rekod-jenayah-nancy/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1074432/individu-mahu-kerja-sebagai-pengasuh-di-taska-akan-ditapis-nancy">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1074432/individu-mahu-kerja-sebagai-pengasuh-di-taska-akan-ditapis-nancy</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/sisitv-parlimen-x7sioi/kpwkm-polis-semak-latar-belakang-bakal-pengasuh-x8vu048">https://www.astroawani.com/videos/sisitv-parlimen-x7sioi/kpwkm-polis-semak-latar-belakang-bakal-pengasuh-x8vu048</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1031088/govt-childcare-centre-workers-must-undergo-background-checks-nancy">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1031088/govt-childcare-centre-workers-must-undergo-background-checks-nancy</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/231382/new-sops-to-prevent-child-abuse-at-daycare-centres-nancy/">https://www.dailyexpress.com.my/news/231382/new-sops-to-prevent-child-abuse-at-daycare-centres-nancy/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/27/nancy-shukri-new-sops-introduced-to-prevent-child-abuse-cases-at-daycare-centres/125766">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/27/nancy-shukri-new-sops-introduced-to-prevent-child-abuse-cases-at-daycare-centres/125766</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=4n9UV1bu8hs">https://www.youtube.com/watch?v=4n9UV1bu8hs</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Bt-m41tU2Vc">https://www.youtube.com/watch?v=Bt-m41tU2Vc</a>	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

28/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>265 TASKA TEMPAT KERJA BERDAFTAR DENGAN JKM TAHUN LEPAS</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/265-taska-tempat-kerja-berdaftar-dengan-jkm-tahun-lepas-464112">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/265-taska-tempat-kerja-berdaftar-dengan-jkm-tahun-lepas-464112</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2283151">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2283151</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/265-workplace-nurseries-registered-with-jkm-last-year-JH12266816">https://thesun.my/local_news/265-workplace-nurseries-registered-with-jkm-last-year-JH12266816</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/27/265-workplace-nurseries-registered-with-social-welfare-dept-in-2024">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/27/265-workplace-nurseries-registered-with-social-welfare-dept-in-2024</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/27/265-taska-tempat-kerja-berdaftar-dengan-jkm/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/27/265-taska-tempat-kerja-berdaftar-dengan-jkm/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=jxAgfICZ41Y">https://www.youtube.com/watch?v=jxAgfICZ41Y</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>MANFAAT 800 KANAK- KANAK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/03/1074602/manfaat-800-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/03/1074602/manfaat-800-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>TAZKIRAH RAMADHAN OLEH USTAZ NABIL AHMAD 24 MAC 2024</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=clHFqb-YYkU">https://www.youtube.com/watch?v=clHFqb-YYkU</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>61-YEAR-OLD MAN GETS SEVEN YEARS' JAIL AND ROTAN FOR SEXUAL HARASSMENT</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1031346/61-year-old-man-gets-seven-years-jail-and-rotan-sexual-harassment">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1031346/61-year-old-man-gets-seven-years-jail-and-rotan-sexual-harassment</a>	NST.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK


[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

28/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>POLIS TAHAN LELAKI DISYAKI ABAI KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2283444">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2283444</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/656966/berita/semasa/lelaki-ditahan-syaki-terlibat-pengabaian-anak-teman-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/656966/berita/semasa/lelaki-ditahan-syaki-terlibat-pengabaian-anak-teman-wanita</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>JURUELEKTRIK TAK MENGAKU ROGOL ADIK KANDUNG</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1074520/juruelektrik-tak-mengaku-rogol-adik-kandung">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1074520/juruelektrik-tak-mengaku-rogol-adik-kandung</a>	HMETRO.COM.MY



TAJUK : TAPIS INDIVIDU MAHU JADI PENGASUH TASKA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 MAC 2024

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Tapis individu mahu jadi pengasuh taska

**Kuala Lumpur:** Individu yang mahu bekerja sebagai pengasuh di taman asuhan kanak-kanak (taska) akan ditapis bagi mengenal pasti sama ada mereka memiliki rekod jenayah atau sebaliknya.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri** berkata, tapisan akan dibuat dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurutnya, kaedah itu

bagi menyekat kes penderaan dan kematian membabitkan kanak-kanak daripada berulang.

"Kami akan *scan* (tapis) sama ada pengasuh yang nak bekerja di situ ada atau tidak kes jenayah sebelum itu," katanya ketika sesi pertanyaan bagi soal jawab lisan di

Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian

menjawab pertanyaan **Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang)** mengenai tindakan kerajaan untuk menyekat kes penderaan dan kematian kanak-kanak di taska daripada berulang.

Mengulas lanjut, Nancy turut meminta semua pihak untuk memastikan taska itu berdaftar dengan pihak JKMs.

Selain itu, katanya, pi-

haknya sudah menambah prosedur operasi standard (SOP) seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di taska dan hanya mereka yang berkeelayakan untuk menjadi pengasuh.

"Kami pastikan adanya CCTV bagi membolehkan pemantauan apa yang berlaku dalam taska.

"Operator yang akan memastikan pengasuh yang ada di situ adalah orang yang mempunyai kelayakan untuk mengasuh kanak-kanak," katanya.

Tapisan akan dibuat dengan kerjasama JKMs dan PDRM



## KPWKM kerjasama dengan PDRM kenal pasti calon pengasuh



NANCY SHUKRI

Oleh ASLINDA NASIR 27 Mac 2024, 1:51 pm

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan bakal pengasuh taska tiada rekod jenayah bagi mengelak kejadian dera melibatkan kanak-kanak.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia penting bagi mengurangkan kes penderaan yang meningkat, sekali gus meletakkan kanak-kanak dalam risiko.

“Kita juga memberikan prosedur operasi standard (SOP) (kepada taska). Apabila kita dengar banyak kes, kita tambah lagi SOP, bukan untuk menyusahkan tapi mahu membantu taska itu.

“Sebab itu, kita pastikan juga ada kamera litar tertutup (CCTV) bagi membolehkan kita memantau apa berlaku dalam taska dan memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin,” katanya di Dewan Rakyat, hari ini.


Beliau menjawab soalan tambahan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) mengenai langkah diambil kerajaan untuk mengelakkan kes penderaan dan kematian kanak-kanak di taska.

Nancy memberitahu, sehingga Disember tahun lalu, terdapat 265 taska tempat kerja di seluruh negara.

“Jumlah itu meliputi 221 taska yang disediakan majikan di sektor awam, manakala 44 taska lagi disediakan sektor swasta.

“KPWKM melalui JKM sentiasa prihatin dan menggalakkan semua majikan, sama ada agensi kerajaan mahu pun swasta untuk menubuhkan taska di tempat kerja masing-masing.

“Justeru, mana-mana agensi kerajaan atau swasta yang ingin membuka taska di tempat kerja boleh berhubung terus dengan JKM berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai proses dan prosedur yang perlu dilakukan,” katanya. -UTUSAN



TAJUK : 265 TASKA TEMPAT KERJA BERDAFTAR DENGAN JKM TAHUN LEPAS: NANCY

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 28 MAC 2024

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 265 taska tempat kerja berdaftar dengan JKM tahun lepas: Nancy

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 265 taman asuhan kanak-kanak (taska) di tempat kerja berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara sepanjang tahun lepas membabitkan agensi kerajaan dan swasta.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata jumlah itu terdiri daripada 221 taska yang disediakan oleh sektor awam, manakala 44 taska lagi di sektor swasta.

“Kementerian sentiasa menyokong usaha agar pihak majikan menyediakan taska di tempat kerja, ia merupakan satu daripada sistem sokongan kepada ibu bapa agar dapat bekerja dengan lebih komited serta menghasilkan mutu perkhidmatan dengan lebih baik seterusnya meningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan mereka.

“Mana-mana agensi kerajaan dan swasta yang ingin menubuhkan taska boleh berhubung dengan JKM untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai proses dan prosedur yang ingin dilakukan,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Nancy berkata demikian bagi menjawab soalan Dr Siti Mastura Muhammad (PN-Kepala Batas) yang ingin tahu mengenai perancangan membuka taman asuhan kanak-




kanak di bangunan kerajaan terutamanya di kawasan Parlimen berkenaan.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tambahan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) mengenai usaha kerajaan menangani isu dera dan kematian melibatkan kanak-kanak di taska, Nancy berkata antara lain ialah menasihati pengendali premis mendaftar dengan JKM berhampiran.

“Kita juga ada prosedur operasi standard (SOP) yang sering ditambah baik dan SOP ini bukan untuk menyusahkan pengendali taska tetapi membantu mereka, selain itu kita pastikan ada kamera litar tertutup (CCTV) untuk bantu mengawasi apa yang berlaku bagi menjamin keselamatan,” katanya.

Nancy juga mengulangi bahawa pihak kementerian bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menyemak latar belakang pengasuh sama ada pernah terlibat dengan kes jenayah atau tidak bagi memastikan hanya yang layak diambil mengasuh kanak-kanak.  
— Bernama



## 265 taska tempat kerja berdaftar dengan JKM tahun lepas

Bername  
Mac 27, 2024 13:30 MYT



*Nancy berkata jumlah itu terdiri daripada 221 taska yang disediakan oleh sektor awam, manakala 44 taska lagi di sektor swasta.  
- Gambar fail*

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 265 taman asuhan kanak-kanak (taska) di tempat kerja berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara sepanjang tahun lepas membabitkan agensi kerajaan dan swasta.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata jumlah itu terdiri daripada 221 taska yang disediakan oleh sektor awam, manakala 44 taska lagi di sektor swasta.

"Kementerian sentiasa menyokong usaha agar pihak majikan menyediakan taska di tempat kerja, ia merupakan satu daripada sistem sokongan kepada ibu bapa agar dapat bekerja dengan lebih komited serta menghasilkan mutu perkhidmatan dengan lebih baik seterusnya meningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan mereka.

"Mana-mana agensi kerajaan dan swasta yang ingin menubuhkan taska boleh berhubung dengan JKM untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai proses dan prosedur yang ingin dilakukan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Nancy berkata demikian bagi menjawab soalan Dr Siti Mastura Muhammad (PN- Kepala Batas) yang ingin tahu mengenai perancangan membuka taman asuhan kanak-kanak di bangunan kerajaan terutamanya di kawasan Parlimen berkenaan.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tambahan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) mengenai usaha kerajaan menangani isu dera dan kematian melibatkan kanak-kanak di taska, Nancy berkata antara lain ialah menasihati pengendali premis mendaftar dengan JKM berhampiran.

"Kita juga ada prosedur operasi standard (SOP) yang sering ditambah baik dan SOP ini bukan untuk menyusahkan pengendali taska tetapi membantu mereka, selain itu kita pastikan ada kamera litar tertutup (CCTV) untuk bantu mengawasi apa yang berlaku bagi menjamin keselamatan," katanya.

Nancy juga mengulangi bahawa pihak kementerian bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menyemak latar belakang pengasuh sama ada pernah terlibat dengan kes jenayah atau tidak bagi memastikan hanya yang layak diambil mengasuh kanak-kanak.



TAJUK : PENGEMIS 'KUTIP' HASIL BERI ALASAN ADA ANGIN AHMAR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 MAC 2024

M/SURAT : 13

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

**Kajang:** "Saya ada angin ahmar, duduk sini jual tisu," begitu alasan diberikan pengemis warga Sri Lanka apabila ditahan dalam Ops Pengemisan di bazar Ramadan Jalan Reko, di sini, kelmarin.

Lelaki berusia 50-an itu berkata, dia masuk ke negara ini pada Januari lalu dan menyasarkan Rama-

## Pengemis 'kutip' hasil beri alasan ada angin ahmar

dan untuk mengutip 'hasil' dengan mengemis.

"Hari ini (kelmarin) baru ada RM10, biasanya kami masuk secara bermusim.

Memang betul-betul saya tidak boleh bergerak, tengok saya duduk di kerusi roda," katanya.

Lelaki itu kemudian di-

beri advokasi sebelum di-

lepaskan pegawai Jaba-

tan Kebajikan Mala-

ysia (JKM) yang men-

jalankan peme-

riksaan di ba-

zar Rama-

dan terbabit. Dalam pe-

meriksaan sama, tu-

rut ditahan adal-

ah dua in-

dividu yang mendakwa

mengutip derma

untuk madra-

sah tanpa su-

rat perakuan yang sah.

Sementara

itu, Ketua Penolong Pen-

garah Kanan Bahagian Pe-

rundangan dan Penguat-

kuasaan JKM Burhanuddin

Bachik berkata, operasi se-

cara 'ad hoc' itu dijalankan

susulan aduan orang ramai

berhubung kehadiran pen-

gemis di kawasan berke-

naan.

"Operasi seperti

ini akan diteruskan

di kawasan lain

Burhanuddin

bil kesempatan di

bulan Ramadan.

"Sebab itu selain men-

jalankan operasi, JKM tu-

rut melakukan program

advokasi kepada masyara-

kat iaitu 'Bijak membantu

elak tertipu,'" katanya.



PEGAWAI Penguat kuasa JKM memeriksa pengemis warga Sri Lanka dalam Ops Pengemisan di bazar Ramadan Jalan Reko, Kajang.



TAJUK :	YAYASAN FARLEY PRESENTS RAYA GIFTS TO 80 WELFARE HOME KIDS		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	28 MAC 2024	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Mohammad Razi (fifth right) and Lau on his right present Raya gift packs to the children.

# Yayasan Farley presents Raya gifts to 80 welfare home kids

Samuel Aubrey

**KUCHING:** Around 80 children from the Sarawak Orphans Welfare Board (Peryatim) and Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah received Hari Raya gift packs donated by Yayasan Farley during a 'Kasih Ramadan' event held here recently.

Yayasan Farley director Eijing Lau said the event was held as a way to give back to the community and share the festive joy with others.

He said Yayasan Farley has been organising Kasih Ramadan and other festive charity events every year since 2021, focusing on the development and wellbeing of the community within its

ecosystem.

"We strive to give our highest support to the initiatives and movements that are beneficial to the community. With our Kasih Ramadan programme, we aim to bring joy and happiness to our children.

"As festivals are meant to be celebrated together, we are grateful to have this opportunity to share this enjoyable moment with the children," he said.

The Kasih Ramadan event at Rumah Warisan Tan Sri Datuk Amar Abang Haji Ahmad Urai was officiated by Deputy Minister for Women, Childhood and Community Wellbeing Development Datuk Mohamad Razi Sitam.

Among those present was Sarawak Fire and Rescue

Department director Datu Khirudin Drahman, who is also chairman of Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah's board of visitors.

Mohamad Razi in his speech praised Yayasan Farley for organising the event in conjunction with the upcoming Aidilfitri.

"I want to express my deepest gratitude to Yayasan Farley for brightening up these children's lives.

"We truly appreciate your sincere efforts," he said, adding that spreading joy is the essence of any celebration.

"Every festival gives us an opportunity to instil the spirit of caring for the well-being of the community, especially orphans and those in need."



## Manfaat 800 kanak-kanak

Siti Norhidayah Mohd Yunus



SEORANG daripada jurulatih wilayah, Elavarasan Appadurai menyerahkan bantuan kepada kanak-kanak.

Add Hope Malaysia memperuntukkan RM100,000 untuk program 'Kembali ke Sekolah' yang memberi manfaat kepada lebih dari 800 kanak-kanak dari pelbagai rumah kebajikan.

Ketua KFC Malaysia, Chandrasagaran Munusamy berkata, inisiatif ini menyediakan kelengkapan asas persekolahan dan sokongan kewangan tambahan bagi memastikan permulaan yang menjanjikan untuk tahun akademik bagi kanak-kanak yang layak menerima bantuan berkenaan.

"Selain menangani kelaparan, misi kami meluas kepada menggalakkan perubahan positif dan memperkasa minda muda.

"Dengan alat dan sokongan yang diperlukan, kami berharap dapat menginspirasi kecemerlangan akademik dan masa depan yang lebih cerah buat anak-anak ini," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, Add Hope Malaysia kekal teguh dalam komitmennya untuk melayani masyarakat yang memerlukan di seluruh Malaysia.

"Menyadari cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak ini, khususnya mereka yang tinggal di rumah anak yatim atau keluarga yang bermasalah, kakitangan KFC Malaysia dari setiap negeri, bersama jurulatih wilayah, bergabung untuk menyebarkan kegembiraan ketika aktiviti pengedaran di 18 rumah di seluruh negara.

"Kami berusaha untuk menanamkan harapan dan mencipta peluang bagi mereka yang menghadapi kesusahan."

"Melalui inisiatif berterusan, kami berusaha untuk menanamkan harapan dan mencipta peluang bagi mereka yang menghadapi kesusahan," katanya.



ANTARA kanak-kanak yang menerima bantuan daripada inisiatif Add Hope Malaysia.

Dengan disertai maskot KFC, Chicky, setiap acara dihiasi gelak ketawa kanak-kanak yang turut menyertai pelbagai aktiviti dan permainan interaktif.

Acara paling dinantikan adalah tarian chicken dance oleh Chicky dan kakitangan KFC yang memberi suntikan kegembiraan buat semua kanak-kanak yang menerima bantuan.



## 61-year-old man gets seven years' jail and rotan for sexual harassment

By [Ersie Anjumin](#) - March 27, 2024 @ 7:46pm



A senior citizen was sentenced to seven years' jail and two strokes of the rotan for sexual harassment. - File pic

KOTA KINABALU: A senior citizen was sentenced to seven years' jail and two strokes of the rotan for sexual harassment.

The 61-year-old man pleaded guilty before Sessions Court judge Elsie Primus to two counts of charges.

On the first count, the man was sentenced to three years' jail and one stroke of the rotan for touching his 12-year-old niece's thigh on Oct 25, 2021 at 2am at a house in Kota Belud.

On the second count, he was sentenced to four years' jail and one stroke of the rotan for committing a similar offence against the niece's friend, aged 13, at the same place between 1am and 2am on the same day.

The offence under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 provides for a jail term of up to 20 years and whipping upon conviction.

The court ordered the man to serve the jail sentence concurrently and undergo rehabilitative counselling.

The man was also ordered to be placed under police supervision for three years upon completing his jail sentence.

During mitigation, the unrepresented man asked for leniency, saying his wife was sick and his children were still schooling. He also told the court that he had health problems.

Deputy public prosecutor Siti Hajar Mazlan called for a deterrent sentence due to the seriousness of the case.

The facts of the case stated that the man approached the victims separately when they were sleeping at his home.

The victims then lodged a police report and the man was arrested.



## POLIS TAHAN LELAKI DISYAKI ABAI KANAK-KANAK



Ketua Polis Daerah Port Dickson Supt Aidi Sham Mohamed

28/03/2024 12:06 AM

SEREMBAN, 27 Mac (Bernama) – Polis menahan seorang lelaki tempatan di sebuah rumah di Bandar Sunggala, Port Dickson dekat sini semalam bagi membantu siasatan membabitkan kes pengabaian seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun.

Ketua Polis Daerah Port Dickson Supt Aidi Sham Mohamed berkata pihaknya menerima laporan daripada Hospital Port Dickson, Ahad lepas yang memaklumkan mangsa berada dalam keadaan kritikal akibat terjatuh daripada kenderaan.

"Siasatan awal mendapati kejadian berlaku pada 15 Mac lepas kira-kira 8.30 malam ketika suspek yang dipercayai teman lelaki kepada ibu mangsa berusia 38 tahun itu ingin membuka pintu van semasa berhenti di sebuah kedai, dalam perjalanan dari Taman Anggerik ke Taman Mayung, Telok Kemang.

"Ekoran daripada kejadian tersebut, kanak-kanak terbabit mengalami kecederaan lebam di beberapa bahagian anggota badan dan mangsa kemudian disahkan meninggal dunia di Hospital Tuanku Ja'afar di sini pada jam 6.04 petang, semalam," katanya dalam kenyataan di sini malam ini.

Aidi Sham berkata hasil semakan rekod lampau terhadap lelaki terbabit mendapati dia mempunyai tiga rekod jenayah manakala ujian saringan air kencing adalah negatif.

Beliau berkata suspek direman selama enam hari sehingga 1 April ini untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.



TAJUK : RM8,000 BOLEH KURANG LAGI TAK?

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 MAC 2024

M/SURAT : 26

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# RM8,000 boleh kurang lagi tak?

*Lelaki mengaku tak salah tuduhan rogol adik kandung*

Oleh Alias Abd Rani  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

Muar

“Tuan, boleh minta tolong? RM8,000 (wang ikat jamin) boleh kurang lagi tak?” demikian rayuan juruelektrik yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol adik kandungnya, 11 tahun lalu.

Tertuduh berusia 25 tahun itu membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol adik kandungnya ketika itu berusia 10 tahun di sebuah rumah di Simpang Renggam, Februari 2013.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjarakan tidak kurang lapan tahun dan tidak melebihi 30 tahun serta sebatan tidak kurang 10 kali.

Berdasarkan laporan



mangsa, kejadian bermula pada 2013 dan kerap berlaku sebelum mangsa menceritakan kejadian kepada ibunya.

Pada 2017, mangsa ditempatkan di sebuah rumah jagaan di Rawang, Selangor dan di sinilah kejadian itu terbongkar.

Kakitangan rumah kebajikan mengesyaki ada sesuatu tidak kena pada mangsa kerana dia kerap hilang tumpuan ketika diarah membuat kerja.

Selepas didesak, mangsa akhirnya

memberitahu, dia dirogol abang kandungnya. Susulan itu, satu laporan polis dibuat di Simpang Renggam.


Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak membenarkan ikat jamin atau pun dengan kadar tertinggi.

Selepas mendengar rayuan dan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan tertuduh dibenarkan ikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 29 April ini untuk sebutan semula, serahan dokumen serta lantikan peguam.



TERTUDUH dibawa keluar selepas mengaku tidak bersalah merogol adik kandungnya.



## Juruelektrik tak mengaku rogol adik kandung

Alias Abd Rani  
am@hmetro.com.my



Tertuduh dibawa keluar selepas mengaku tidak bersalah merogol adik kandungnya. FOTO Alias Abd Rani

Muar: "Tuan, boleh minta tolong? RM8,000 (wang ikat jamin) boleh kurangkan lagi tak?" demikian rayuan juruelektrik yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol adik kandungnya, 11 tahun lalu.

Tertuduh berusia 25 tahun itu membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol adik kandungnya ketika itu berusia 10 tahun di sebuah rumah di Simpang Renggam, Februari 2013.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjarakan tidak kurang lapan tahun dan tidak melebihi 30 tahun serta sebatan tidak kurang 10 kali.

Berdasarkan laporan mangsa, kejadian bermula pada 2013 dan kerap berlaku sebelum mangsa menceritakan kejadian kepada ibunya.

Pada 2017, mangsa ditempatkan di sebuah rumah jagaan di Rawang, Selangor dan di sinilah kejadian itu terbongkar.

Kakitangan rumah kebajikan mengesyaki ada sesuatu tidak kena pada mangsa kerana dia kerap hilang tumpuan ketika diarah membuat kerja.

Selepas didesak, mangsa akhirnya memberitahu, dia dirogol abang kandungnya. Susulan itu, satu laporan polis dibuat di Simpang Renggam.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak membenarkan ikat jamin atau pun dengan kadar tertinggi.

Selepas mendengar rayuan dan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan tertuduh dibenarkan ikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 29 April ini untuk sebutan semula, serahan dokumen serta lantikan peguam.